

12 FEB 2003

Sabah-Penggiliran/I

PENGGILIRAN JAWATAN KETUA MENTERI BUKAN ISU, KATA CHONG

KOTA KINABALU, 12 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini berkata penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah seharusnya tidak lagi menjadi isu ekoran kenyataan Perdana Menteri semalam bahawa pemimpin Umno akan menggantikan beliau bulan depan.

"Perdana Menteri sudah menjelaskan perkara ini dan saya rasa tak payah lagi isu ini dipanjangkan...bagi saya isu ini cukup mudah, cuma ada yang suka memainkan isu ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidiladha Yang Dipertua Negeri Datuk Ahmadshah Abdullah di Istana Negeri di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata pemimpin dari Umno akan mengisi kekosongan jawatan Ketua Menteri Sabah apabila tempoh Chong berakhir pada 27 Mac ini.

Chong berkata beliau telah memohon cuti selama sebulan pada bulan depan.

"Perdana Menteri selaku pengerusi Barisan Nasional (BN) akan menentukan pemangku Ketua Menteri," katanya.

Chong adalah penyandang keenam selepas sistem penggiliran itu diperkenalkan pada Mac 1994 selepas BN mengambilalih teraju pemerintahan daripada Parti Bersatu Sabah (BN).

Sementara itu, Presiden Parti Maju Sabah Datuk Yong Teck Lee berkata beliau yakin Perdana Menteri akan melantik calon yang sesuai untuk mengisi kekosongan itu.

Yong juga berharap agar sistem itu akan ditamatkan selepas pusingan penggiliran kali ini berakhir.

Penggiliran kali ini akan mencukupi pusingan apabila tempoh pemimpin Umno berakhir dan digantikan dengan pemimpin Kadazandusun.

"Jika ia ditamatkan sekarang, mereka yang belum berpeluang menyertai pusingan itu tentu tidak berpuashati," katanya.

Presiden Parti Bersatu Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan pula berkata partinya akan mengikut apa sahaja keputusan kepimpinan BN mengenai perkara itu.

-- BERNAMA

JS MOZ